

# HUKUM BOIKOT BARANGAN ISRAEL BERDASARKAN KEPADA FIQH AL-JIHAD

Anas Bin Mohd Yunus<sup>1</sup>  
Najihah Binti Abd Wahid<sup>2</sup>  
Wan Saifuldin Bin W Hassan<sup>3</sup>



## ABSTRACT

*This study is to determine the law to the boycott of Israeli goods based on the discipline of jihad fi sabilillah. The boycott of Israeli goods is a campaign to avoid purchasing particular goods from the producers that support the Zionist Regime through their financial, investment and moral. It is driven by the Muslims to support the Palestinian people and protest the Zionist Regime who killed Palestinians and confiscated their lands, especially in series of intifada by Palestinian and the attacks on Gaza. This study evaluates the boycott's law from the perspective of Fiqh al-Jihad and looking into the changes between fard ain and fard kifayah influenced by certain factors and conditions. This is due to the confusion among people about the jihad in Palestine, especially when involving the boycott. Thus, an enlightenment on the issue is very important to be evaluated scientifically. The study employed qualitative research using documentary reference method as the primary method. The data were analyzed using content analysis method by applying Usul Fiqh as the basis of the discussion while referring to the debates*

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), anas@unisza.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), anajihah@unisza.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), wasfiha@unisza.edu.my

*of the existing fiqh (jurisprudence). The results showed that in general, the law to the boycott of Israeli products and those who support them become fard ain on every Muslim.*

*Keywords : Boycott, Palestine, jihad, fard ain, fard kifayah*

## ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menentukan hukum boikot barangan Israel berdasarkan kepada disiplin jihad fi sabilillah. Boikot barangan Israel merupakan satu kempen pemuluan pembelian barangan khususnya ke atas barangan pengeluar-pengeluar yang menyokong rejim Zionis Israel melalui sokongan dana, pelaburan dan moral. Ia digerakkan oleh umat Islam untuk memberikan sokongan kepada rakyat Palestin dan membantah perbuatan rejim Zionis yang membunuh rakyat Palestin dan merampas tanah-tanah mereka terutamanya dalam siri-siri intifadah dan serangan ke atas Gaza. Kajian ini menilai hukum boikot daripada perspektif *fiqh al-jihad* dan melihat perubahan-perubahan hukum fardu ain dan fardu kifayah berikutan faktor-faktor keadaan dan tempat. Ini berikutan berlaku kekeliruan terhadap kedudukan jihad di Palestin khususnya yang melibatkan boikot. Justeru, satu pencerahan berkaitan isu ini amat penting untuk dinilai secara ilmiah. Kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah rujukan dokumen sebagai kaedah utama. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan mengaplikasikan kaedah usul fiqh sebagai teras utama di samping merujuk kepada perbahasan-perbahasan fiqh yang sedia ada. Hasil kajian menunjukkan secara umumnya, hukum boikot barangan Israel dan pendukung-pendukungnya menjadi fardu ain ke atas setiap umat Islam.

*Kata kunci : Boikot, Palestin, jihad, fardu ain, fardu kifayah*

## PENDAHULUAN

Boikot barangan keluaran sesebuah negara tertentu merupakan salah satu bentuk kempen yang universal dilancarkan oleh masyarakat dunia sebagai menyatakan reaksi mereka terhadap isu-isu yang mereka perjuangkan.

Umat Islam turut menjadikannya sebagai satu strategi bantahan kepada beberapa isu yang menyentuh sensitiviti mereka seperti bantahan mereka terhadap keganasan rejim Zionis ke atas penduduk Palestin. Justeru, artikel ini menyentuh isu boikot tersebut dengan melihatnya dari perspektif jihad fi sabilillah.

Asal perkataan boikot adalah daripada perkataan Bahasa Inggeris 'boycott' yang diambil daripada nama Captain Charles Cunningham Boycott (1832-1897), seorang ejen ladang berbangsa Inggeris di Ireland yang menggunakan taktik kutipan sewa yang tinggi pada tahun 1880. Ini telah menimbulkan kemarahan masyarakat Irish lalu mereka enggan menuai hasil dari ladangnya (Grolier Academic Encyclopedia, 1987). Dalam Bahasa Melayu, boikot adalah pemulauan (Kamus Dewan). Namun menurut pemerhatian pengkaji, perkataan boikot adalah lebih meluas digunakan berbanding pemulauan dalam siri-siri kempen pemulauan barangan di Malaysia. Boikot didefinisikan sebagai 'paksaan atau tekanan yang dikenakan oleh sekumpulan manusia atau peniaga untuk menghentikan urusan kewangan atau sosial antara individu, syarikat atau negara' (Harver World Encyclopedia, 1978).

Secara lebih jelas, boikot merupakan satu bentuk keengganan untuk mempunyai apa jua kaitan dengan sasaran boikot sama ada sebagai majikan atau pembekal makanan. Ia mungkin satu cubaan supaya orang lain turut serta untuk tidak mempunyai apa jua hubungan dengan objek yang diboikot atau boleh jadi satu tindakan mempengaruhi orang lain agar tidak mengendalikannya produk yang menjadi punca perselisihan (The Encyclopedia Americana, 1990).

Boikot juga berkemungkinan mendorong kepada tindakan-tindakan seperti mogok, piket, keengganan untuk mengganggu piket majikan lain, senarai 'ketidakadilan' atau 'jangan beli', keengganan majikan atau pekerja untuk bekerja bagi sesuatu produk tertentu, pelancaran kempen memujuk pengguna untuk tidak membeli produk majikan yang bukan ahli kesatuan atau majikan yang ditindak (The Encyclopedia Americana, 1990). Tindakan-tindakan lain yang berkaitan dengan boikot ialah ia biasanya dituruti dengan istilah senaraihitam (*blacklist*) seseorang atau syarikat untuk didiskriminasikan. Adakalanya berlaku kekeliruan antara penggunaan perkataan boikot dan embargo iaitu larangan mengeksport barangan ke sesebuah negara asing (Grolier Academic Encyclopedia, 1987).

Dalam hubungan antarabangsa, strategi embargo biasanya digunakan. Embargo ialah larangan sebahagian atau sepenuhnya

kapal-kapal perdagangan untuk keluar masuk ke dalam pelabuhan sesebuah negara dengan maksud untuk memulaukannya. Ia adalah seperti sekatan ekonomi dan dianggap larangan perdagangan yang sah. Ia berbeza dengan *blockade* yang dilakukan ketika peperangan (The Encyclopedia Americana, 1990). *Blockade* atau sekatan yang biasanya merupakan usaha untuk menyekat bekalan makanan, alatan persenjataan atau komunikasi sesuatu kawasan dengan secara paksaan sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Ini berlaku seperti ketika perang di semenanjung Gaza di mana Israel menyekat sebarang bentuk bantuan untuk disalurkan ke kawasan tersebut (The World Book Encyclopedia, 1987). Perbezaan dengan embargo ialah *blockade* merupakan tindakan kekerasan yang tidak melalui jalan yang sah sementara embargo ialah sekatan yang sah melalui jalan perundangan.

Dalam bahasa Arab, istilah yang diguna pakai ialah *al-muqata'ah al-iqtisadiyyah*. Berasal daripada kalimah *qata'a*, ia merujuk kepada larangan sebarang hubungan ekonomi atau sosial selaras dengan sistem sosial yang tertulis (Ibrahim Mustafa et.al, t.th).

## SEJARAH BOIKOT KE ATAS ISRAEL

Boikot ke atas Israel dan bagaimana Amerika Syarikat dilibatkan bersama Israel dalam kempen ini pula merupakan satu kempen yang memakan masa yang amat panjang. Sehingga kini belum ada satu ketetapan yang bersifat menyeluruh untuk kempen ini dihentikan. Gerakan boikot ke atas Israel dikatakan bermula sejak tahun 1920an lagi. Ada yang menyatakan ia bermula pada awal tahun 1950an setelah anggota Liga Arab bermesyuarat di Damsyik pada tahun 1957. Namun yang jelasnya ada bukti menunjukkan ia diasaskan pada awal tahun 1940an apabila Liga Arab memperkenalkan Jawatankuasa Tetap Boikot yang mengisytiharkan deklarasi boikot secara rasmi yang menyatakan Produk Yahudi tidak diperlukan di negara Arab. Seluruh institusi, organisasi, pedagang, ejen komisyen dan individu Arab diseru untuk tidak berurusan, mengedar atau mengguna sebarang produk Zionis (Jack G. Kaikati, 1978).

Satu resolusi dikeluarkan bertajuk "*The Boycott of Zionist Goods and Products*" hasil pertemuan tujuh anggota Liga Arab pada 22 Mac, 1945. Terkandung dalamnya pernyataan bahawa sebarang produk keluaran Yahudi hendaklah dikira tidak dikehendaki dalam negara

Arab dan seluruh warga Arab samada institusi, organisasi, usahawan, ejen dan individu mestilah menolak untuk berurusan, mengedar atau menggunakan produk keluaran Zionis (Adam B. Cordover, 2007).

Kempen boikot ini pada kurun ke-19 merupakan cubaan menghalang pendatang Yahudi dengan bertindak menghalang penjualan tanah di Palestin kepada imigran Yahudi dan melakukan pemboikotan barangan dan perkhidmatan Israel pada tahun 1948. Dalam bulan Mei tahun 1951, Liga Arab telah menubuhkan Central Boycott Office (CBO) di Damsyik untuk menyelaras mekanisme dan aktiviti pemboikotan (Constance A. Hamilton, 1994). Pengeksportan barangan ke Israel pula tidak termasuk dalam kempen boikot kerana ia boleh menjadi faktor kepada ekonomi yang defisit kepada Israel. Mana-mana syarikat yang terlibat dengan Israel atau syarikatnya, ia akan diberi amaran oleh Central Boycott Office (CBO). Mereka diberi tempoh 3 bulan untuk menamatkan urusan tersebut. Jika tidak, ia akan disenarai hitam dan tidak boleh memasuki pasaran Arab (Adam B. Cordover, 2007). Pemboikotan yang digerakkan oleh CBO tersebut adalah sebagaimana relousi Liga Arab tahun 1948 iaitu:

- i. Pengimportan dan pembelian produk dan perkhidmatan yang berasal dari Israel (berbentuk *primary boycott*).
- ii. Sebarang urusan perniagaan dengan entiti yang berurusan dengan Israel. (berbentuk *secondary boycott*).
- iii. Sebarang urusan perniagaan dengan entiti yang berurusan dengan Amerika Syarikat dan yang termasuk dalam senarai hitam Liga Arab (berbentuk *tertiary boycott*) (Martin A. Weiss, 2006).

Larangan urusan tersebut ke atas mana-mana syarikat anggota Liga Arab pula merangkumi:

- i. Memberikan bantuan teknikal atau pengetahuan kepada syarikat Israel.
- ii. Memberikan hak, paten atau royalti kepada mana-mana warganegara Israel atau syarikat.
- iii. Mewakili sebuah syarikat Israel di Israel atau di luar negara.
- iv. Menyokong apa-apa kepentingan Israel atau mempunyai «simpatisan Zionis» dalam jawatan eksekutif atau lembaga syarikat (Adam B. Cordover, 2007).

Kesannya begitu ketara apabila ekonomi Israel terjejas kerana faktor pasaran dan sumber serantaunya. Israel menyuarakan bantahannya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan mujurlah bantuan daripada Yahudi sedunia khususnya Amerika Syarikat sebelum Jerman Barat menghulurkan bantuan menyebabkan ekonomi Israel dapat dipertahankan dan diperkembangkan (Fred John Khouri, 1985).

Kempen boikot ini terus dilakukan walaupun tidak secara konsisten. Sebaliknya ia lebih kepada tindakan reaktif kepada isu-isu semasa yang timbul. Contohnya ialah tentang keganasan Regim Zionis Israel. Ia berlaku secara berterusan sejak mereka menduduki tanah Palestin pada tahun 1948M lagi (Ismail Ibrahim, t.th). Namun, kempen boikot tersebut berlaku apabila ada isu-isu besar yang melanda bumi Palestin seperti meletusnya intifada di Palestin sebagai satu reaksi spontan pembunuhan 4 orang warga Palestin di pintu masuk semenanjung Gaza oleh askar Israel. Intifada ini disertai oleh hampir seluruh warga Palestin tanpa mengira kumpulan sebagai manifestasi penentangan penjajahan Israel secara objektifnya dan kesepakatan yang terbina antara pelbagai kumpulan pejuang Palestin secara subjektifnya (Phyllis Bennis & Neal Cassidy, 1990). Serangan besar-besaran Israel ke atas Gaza (Aris Hazlan & Riduan Mohamad Nor, 2009) menyebabkan kempen boikot barangan Israel kembali bersemarak dengan Israel merasa impaknya (<http://www.guardian.co.uk/world/2009/apr/03/israel-gaza-attacks-boycotts-food-industry>).

Dari sudut garis panduan, sebuah buku bertajuk "*From Boycott To Economic Corporation; The Political Economy of Arab*" telah mencatatkan prinsip-prinsip yang digunakan oleh CBO pada tahun 1977 sebagai garis panduan institusi atau individu yang akan dikenakan tindakan boikot. Pemboikotan ke atas mana-mana firma berlaku apabila:

- i. Memiliki kilang atau cawangannya di Israel.
- ii. Memiliki komponen yang dipasang di Israel.
- iii. Memiliki pejabat di Israel untuk operasinya di Timur Tengah.
- iv. Memberikan kebenaran untuk menggunakan nama syarikat atau lesen di Israel.
- v. Ada pemilikan saham di Israel.
- vi. Memberikan khidmat dan konsultasi kepada Israel.

- vii. Bias kepada Israel dalam soal import-eksport apabila enggan mempromosi barangan Arab, sebaliknya mempromosi barangan Israel dengan kualiti dan harga yang sama.
- viii. Terlibat dalam mencarigali sumber alam.
- ix. Kegagalan menjawab persoalan-persoalan daripada pihak berautoriti Arab (Gil Feiler, 1998).

Beberapa buah negara menamatkan tindakan boikot seperti Mesir (1979), Jordan (1993) dan Pihak Berkuasa Palestin (Palestinian Authority) (1994). Mauritania juga memulakan hubungan diplomatik dengan Israel pada tahun 1999 meskipun tidak terlibat dalam perjanjian boikot. Algeria, Morocco dan Tunisia tidak menguatkuasakan boikot pada tahun 1994. Selain itu, pada tahun 1994 beberapa buah negara Teluk seperti Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan United Arab Emirates mengisytiharkan hanya akan melaksanakan tindakan *primary boycott* dan pada tahun 1996 mengakui bahawa menamatkan tindakan boikot perlu untuk proses keamanan dan pembangunan ekonomi (Martin A. Weiss, 2006).

Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah tekanan dari sudut undang-undang dari negara-negara yang ada kepentingan perdagangan dan memberi kesan kepada ekonomi negara. Beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat telah mengeluarkan perintah menerusi akta percukaian pada tahun 1975 untuk tidak memberi insentif pengecualian cukai bagi mana-mana syarikat yang terlibat dengan gerakan boikot tersebut. Begitu juga dalam tahun 1975, Amerika Syarikat melarang mana-mana pihak untuk berurusan dengan mana-mana pihak yang terbabit dengan gerakan boikot Israel. Amerika Syarikat menggunakan beberapa akta untuk mempertahankan Israel daripada gerakan pemboikotan ini seperti *Section 535 of the Foreign Operations, Export Financing, and Related Programs Appropriations Act, 2006*, melalui *World Trade Organization* dan *U.S. Antiboycott Laws* (Martin A. Weiss, 2006).

Kanada juga telah mengeluarkan akta *Canadian Bill of Rights* pada 13 Mac, 1975 bahawa melarang mana-mana pihak untuk menjalankan urusan komersial jika mereka melakukan urusan atas dasar bangsa, negara asal, warna kulit, agama atau jantina samada dalam Kanada atau di luar Kanada. Bahkan Menteri Industri, Perdagangan dan Perniagaan Kanada, Donald Jamieson menegaskan mereka tidak menerima kempen boikot yang digerakkan oleh negara Arab (Jack G. Kaikati, 1978).

Jelasnya, Israel tidak berdiam diri dengan gerakan boikot oleh negara-negara Arab tersebut sebaliknya menyusun strategi menerusi Kementerian Luarnya pada tahun 1960 untuk mengatasi gerakan pemboikotan ini. Mereka telah menyiasat syarikat-syarikat yang terbabit dengan pemboikotan dan melobi negara-negara di dunia khususnya Barat untuk melakukan pemboikotan ke atas syarikat-syarikat yang terbabit. Ini menjejaskan perniagaan syarikat-syarikat antarabangsa Arab dan memberi kesan kepada ekonomi negara itu sendiri. Selain daripada itu, perjanjian perdagangan antara negara-negara Arab dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat menyebabkan mereka melonggarkan tindakan pemboikotan. Ini seperti Arab Saudi yang telah memeterai perjanjian perdagangan bebas (WTO) dengan Amerika Syarikat (Mitchell Bard, 2007).

Meskipun begitu, secara moralnya kebanyakan negara menyokong gerakan ini terutamanya setelah *intifadah* dan serangan Israel ke atas Lubnan dan Gaza. Umumnya, gerakan boikot ini mendapat sambutan dari warga mereka khususnya dan masyarakat sedunia amnya.

## BOIKOT DALAM KONTEKS JIHAD FI SABILILLAH

Untuk mengaitkan boikot dengan jihad, pemahaman tentang jihad perlu diteliti dahulu. Pemahaman jihad dalam konteks penggunaan lafaz jihad secara mutlak boleh merujuk kepada apa yang dinyatakan oleh <sup>c</sup>Abd al-Rashid Reda (t.th):

*“Jihad fi sabilillah ialah peperangan meninggikan kalimahNya, menjamin agamaNya, mengembangkan dakwahNya dan mempertahankan pendukungNya agar hak-hak umat Islam tidak ditundukkan dan mereka tidak dihalang daripada melaksanakan urusan-urusan mereka. Ia lebih umum daripada peperangan kerana agama (al-din), kerana ia (peperangan fi sabilillah) merangkumi peperangan mempertahankan agama dan dakwahnya, di samping itu ia juga merangkumi peperangan mempertahankan hak, harta dan tanah air daripada dikuasai musuh-musuh yang tamak merampas negara kita dan mengeksploitasi segala kemewahan bumi kita walaupun yang demikian itu bukan bertujuan menimbulkan fitnah pada agama kita”.*



Ini bermakna apa jua perkara yang membawa kepada peninggian dan pemeliharaan kalimah Allah adalah jihad fi sabilillah. Dijelaskan di sini jihad fi sabilillah adalah lebih umum daripada jihad fi al-din. Dalam satu hadis riwayat Abu Dawud, perintah tentang jihad dapat diperincikan bukan hanya sekadar melibatkan diri bahkan juga harta dan lisan.

عن أنس أن النبي صلى الله عليه وسلم قال جاهدوا المشركين بأموالكم  
وأنفسكم وألسنتكم

Maksudnya, “*Daripada Anas bahawa Nabi saw bersabda: Perangilah orang-orang Musyrik dengan harta kamu, jiwa kamu dan lidah kamu*”.

(Hadis. Abu Dawud. 2504)

Hadis ini menjadi bukti kewajipan berjihad dengan jiwa iaitu keluar berperang dengan orang-orang kafir, dengan harta iaitu membelanjakannya untuk keperluan jihad serta senjata dan seumpamanya dan dengan lidah iaitu dengan berdebat dengan orang-orang kafir, mengajak mereka kepada Allah swt dan seumpamanya yang mengalahkan orang-orang kafir (Abadiyy, Muhammad Shams al-Haq al-‘Azim, 1995).

Syeikh Hasan Khalid (1971) (bekas Mufti Lebanon) menjelaskan jihad fi sabilillah sebagaimana pernyataan di atas dengan:

*“Hendaklah mendahulukan penggembelangan kesungguhan dalam memerangi musuh dalam Islam dengan pelbagai cara yang dibenarkan. Dan tidak boleh bergantung kepada dasar ini melainkan ketika mempertahankan negara dan memelihara dakwah dan para pendakwah daripada ancaman musuh demi untuk menyampaikan kebaikan kepada manusia sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT. Peperangan untuk matlamat ini tidak berlaku demi untuk hawa nafsu atau menjajah manusia atau pemerintahan sesuatu bangsa atau menguasai pasaran perdagangan. Bahkan ia untuk menegakkan keadilan dan mengembangkan pemahaman suci sesama manusia sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT demi menjamin kebahagiaan yang sempurna di dunia dan akhirat”.*

Justeru, dapat difahami bahawa jihad merangkumi samada diri, harta dan segala keupayaan yang ada untuk memperjuangkan agama Allah swt dan umat Islam serta hak-hak mereka.

Dalam kitab *al-Fiqh al-Manhajiyy* disebutkan beberapa jenis jihad yang merincikan lagi keumuman pengertian jihad iaitu:

- i. Jihad ilmu untuk menyebarkan dakwah Islam dan menolak fahaman yang mengelirukan yang menghalang manusia dari jalan iman dan memahami hakikat agama.
- ii. Jihad harta iaitu dengan menyumbangkan harta bagi menjamin keperluan manusia untuk membangunkan masyarakat Islam yang dicita-citakan.
- iii. Peperangan mempertahankan diri terhadap musuh yang cuba mengganggu-gugat urusan agama.
- iv. Peperangan *offensive* yang digerakkan oleh umat Islam apabila dakwah Islamiyyah ditentang oleh kaum lain dalam negara mereka dan pemerintah mengambil tindakan menghalang kebenaran agama untuk disampaikan.
- v. Ketika semboyan peperangan dibunyikan tanda musuh menyerang negara Islam untuk menceroboh agama, tanahair dan kebebasan beragama mereka.

Walaupun dengan kepelbagaian jihad tersebut, kewajipan menyertainya adalah kembali kepada hukum asal jihad fi sabilillah iaitu fardu kifayah ke atas setiap orang Islam yang mukallaf. Ini berlaku apabila orang-orang kafir berada dalam negeri mereka sendiri. Mukallaf di sini selain daripada baligh, berakal, lelaki dan merdeka hendaklah yang mampu berjihad dan mempunyai senjata (Al-Malibariyy, Zayn al-Din bin <sup>o</sup>Abd al-<sup>c</sup>Aziz, 2005).

Termasuk dalam kategori orang yang mampu berjihad ialah sempurna tubuh badan seperti tidak kudung, buta, hilang sebahagian jari-jemarinya, kecacatan yang nyata dan dalam keadaan sakit yang kronik. Termasuk juga orang yang tidak punya pembiayaan dan kenderaan sejauh perjalanan yang mengharuskan qasar solat (al-Sharbiniyy, Muhammad al-Khatib, 1995). Orang yang berhutang mestilah mendapat kebenaran si pemiutang sebagaimana seorang anak perlu mendapat keizinan kedua orang tuanya (al-Qalyubiyy & <sup>c</sup>Umayrah, t.th).

Kewajipan fardu kifayah akan bertukar menjadi fardu ain dengan beberapa sebab. Antaranya apabila orang-orang kafir telah memasuki sebuah negeri orang Islam, maka jihad menjadi fardu ain bagi seluruh penduduk negeri tersebut mempertahankannya sedaya upaya yang mampu (al-Zuhayliyy, Wahbah, 2010).

Keadaan tersebut juga ada dua keadaan. Keadaan pertama apabila penduduk negeri tersebut boleh berkumpul menyusun persiapan untuk menghadapi peperangan, maka setiap individu samada kafir, kanak-kanak, orang yang berhutang, hamba, wanita yang ada kekuatan, semuanya tanpa perlu izin orang tua atau tuan atau suami wajib berperang sesuai dengan kemampuan masing-masing. Keadaan kedua iaitu apabila sudah terkepung oleh musuh dan tidak mungkin dapat berkumpul, maka apabila diserang oleh orang kafir wajib dia mempertahankan dirinya meskipun bukan daripada kalangan orang yang wajib berjihad demi mengelakkan dirinya dari menyerah kepada orang kafir (Al-Malibariyy, Zayn al-Din bin ʿAbd al-ʿAziz, 2005).

Jihad juga menjadi fardu ain ke atas penduduk yang duduk kurang dari jarak yang mengharuskan qasar solat dari negeri yang diserang meskipun penduduknya telah cukup ramai untuk berjihad. Jika penduduk negeri tersebut tidak mencukupi, maka kewajipan ayniyy berlaku ke atas penduduk yang duduk dalam jarak yang mengharuskan qasar solat (Al-Malibariyy, Zayn al-Din bin ʿAbd al-ʿAziz, 2005).

Bagi tentera yang memang menjadi tugas mereka untuk terlibat dalam pertempuran, kewajipan jihad adalah fardu ain ke atas mereka apabila diarahkan oleh pemerintah. Begitu juga sekiranya pemerintah menentukan sekumpulan orang untuk keluar berjihad, maka kefarduan ke atas mereka adalah bersifat ʿayniyy (al-Qalyubiyy & ʿUmayrah, t.th & Ibn Hajar al-ʿAsqalaniyy, Ahmad bin ʿAliyy, 1960).

Jika dinilai daripada bentuk-bentuk jihad yang telah dijelaskan dalam kitab *al-Fiqh al-Manhajiyy*, hukum fardu kifayah terpakai dalam situasi sebelum semboyan peperangan dibunyikan. Namun, Dr. Yusuf al-Qaradawiy menegaskan bahawa tuntutan jihad ke atas bumi Palestin adalah wajib ke atas semua umat Islam dari timur hingga ke barat. Meskipun hukum jihad adalah ke atas menurut tertib daripada penduduk negeri tersebut ke penduduk sekitarnya dan seterusnya kesemua umat Islam, bumi Palestin adalah tanah kiblat pertama umat Islam, tempat Isra' Mikraj dan bumi Masjid al-Aqsa yang diberkati sekitarnya. Sedangkan musuh peperangan di situ sangat memusuhi orang-orang yang beriman, yang menyokongnya ialah kuasa terbesar

dunia pada hari ini iaitu Amerika Syarikat di mana golongan Yahudi kuat menyokongnya pula (al-Qaradawiyy, 2011).

Justeru, menurut beliau jihad menentang mereka yang merampas tanah suci Palestin, menghalau penduduknya keluar, menumpahkan darah mereka, melanggar kehormatan, meruntuhkan kediaman, membakar tanah pertanian dan meleluasakan kerosakan di atas muka bumi adalah sewajib-wajib jihad dan kewajipan yang paling utama ke atas umat Islam di timur dan barat (al-Qaradawiyy, 2011).

Orang Islam bertanggungjawab atas hak saudaranya, merekalah tangan saudaranya yang lain, mereka umat yang satu, disatukan dengan akidah, syariat, susah senang bersama sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

Maksudnya, “*Sesungguhnya ugama Islam inilah ugama kamu, ugama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku*”.

Surah al-Anbiya’(21) : 92

Dan firmanNya:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya, “*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat*”.

Surah al-Hujurat (49) : 10

Juga disebutkan dalam hadis:

المسلم أخو المسلم لا يظلمه ولا يخذله

Maksudnya, *Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak boleh menzaliminya dan menghinanya*”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab. 2564)

Menurut al-Qaradawiyy (2011), di Masjid Aqsa ini, terletak bumi Palestin di mana penduduknya berjuang ke titisan darah terakhir dengan penuh kemuliaan, mempertaruhkan jiwa raga yang suci tanpa mengira penderitaan yang menimpa mereka demi fi sabilillah, maka wajiblah umat Islam membantu mereka dengan segala kemampuan yang kita ada sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِن أَسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ  
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِّيثَاقٌ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٧٢﴾

Maksudnya, “Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) ugama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan”.

Surah al-Anfal (8) : 72

وَتَعَاوَنُوا عَلَىٰ الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىٰ الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ ۗ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya, “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)”.

Surah al-Mai'dah (5) : 2

Antara langkah-langkah yang boleh diambil ialah dengan melakukan boikot sepenuh hati kerana sesungguhnya setiap sen yang dibelanjakan ke atas barangan musuh akhirnya bertukar kepada peluru yang menembusi dada saudara-saudara dan anak-anak Palestin. Ini kerana membeli barangan mereka adalah satu bentuk bantuan kepada dosa dan permusuhan yang menguatkan musuh. Umat Islam mesti membantu para pejuang fi sabilillah semampu mungkin. Dan apabila tidak mampu, umat Islam wajib melemahkan musuh dengan apa jua cara

yang mungkin. Jika untuk melemahkan musuh tidak akan sempurna melainkan dengan boikot, maka ia menjadi wajib sebagaimana kaedah:

فما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب

Maksudnya, “Apa yang tidak sempurna hukum wajib melainkan dengannya maka ia juga menjadi wajib”.

(Al-Ghazaliyy, Muhammad bin Muhammad, 1997)

Meneliti secara lanjut hujahan al-Qaradawiyy, pendapatnya selaras dengan realiti bahawa boikot termasuk dalam perintah jihad dengan harta. Walaupun jika diteliti secara hakikatnya, menahan diri daripada menggunakan barangan Israel dan Amerika sehingga menyebabkan kesukaran hidup atau kemudaratan diri sebagaimana seseorang yang melancarkan mogok lapar<sup>4</sup> kerana ia memberi kesan perundangan dan politik dalam konteks semasa merupakan jihad dengan diri, namun ia bukanlah sesuatu yang *aqhlab* atau keadaan yang menyeluruh sebagaimana yang berlaku dalam bentuk boikot.

Boikot juga boleh dikategorikan sebagai salah satu bentuk jihad yang baru. Ini kerana penggunaan kaedah boikot untuk memberi tekanan kepada musuh tidak pernah digunakan secara meluas oleh umat Islam melainkan setelah berlaku krisis Israel-Palestin. Cumanya, ia masih lagi diisyaratkan melalui jihad dengan harta.

Terdapat sebilangan ayat-ayat Quran yang membawa kepada perintah jihad harta yang menggunakan lafaz *amwalukum wa anfusakum*. Antaranya:

أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

<sup>4</sup> Di Ramallah, seorang wanita Palestin, Hanaa Yahya Shalabi, 28, yang dikenakan tahanan tanpa bicara paling lama oleh pihak berkuasa Israel, melancarkan mogok lapar selama dua minggu bagi menuntut pengadilan dan pembebasannya. Tindakan Hanaa, menyusul langkah yang diambil seorang lagi tahanan Khadar Adnan yang bertindak mogok lapar selama 66 hari sehingga pihak rejim bersetuju untuk membebaskannya April depan. Tindakan mogok lapar seseorang tahanan memberi masalah besar kepada Israel dan ia adalah cara berkesan untuk tahanan Palestin mendesak rejim Zionis mengkaji semula amalan kejam mereka. Lihat: <http://www.bharian.com.my/articles/TahananwanitaPalestinlancarmogoklapar/Article/>, 2 Mac, 2012.

Maksudnya, “Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui”.

Surah al-Taubah (9) : 41

Dan firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا  
وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ  
الصَّادِقُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya, “Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)”.

Surah al-Hujurat (49) : 15

Al-Qurtubiyy (1988) dalam tafsirnya menjelaskan jihad dengan harta dan diri adalah sesempurna jihad. Cumanya didahulukan lafaz harta kerana ia merupakan urutan awal dalam persiapan berjihad. Dalam Tafsir al-Manar, perkataan-perkataan tersebut ditafsirkan dengan sesiapa yang mampu berjihad dengan harta dan dirinya hendaklah berjihad dengan kedua-duanya dan sesiapa yang mampu berjihad dengan salah satu dari keduanya hendaklah berjihad dengan yang dia mampu. Orang-orang Islam pada awalnya membiayai perbelanjaan jihad untuk dirinya dan sesiapa yang ada baki lebih maka dia akan membiayai orang lain sebagaimana yang dilakukan oleh Saidina ‘Uthman yang membiayai pejuang-pejuang yang miskin dalam peperangan Tabuk. Apabila Baitulmal mempunyai perbendaharaan yang banyak dengan ghanimah, para pemerintah dan sultan menyediakan pembiayaan tentera daripada baitulmal (‘Abd al-Rashid Reda, t.th).

Namun, ada ayat-ayat Quran yang langsung menjuruskan kepada sumbangan harta dalam jihad. Antaranya:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا  
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya, “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

Surah al-Baqarah (2) : 195

Yang dimaksudkan dengan menyumbang fi sabilillah di sini ialah untuk jihad meskipun sumbangan kepada perkara-perkara kebaikan adalah fi sabillah. Apabila fi sabilillah disebut secara mutlak maka ia merujuk kepada jihad (al-Baghawiyy, al-Husayn bin Mas'ud, 1987). Juga ayat:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ  
سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ  
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya, “Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya”.

Surah al-Baqarah (2) : 261

Sebab turun ayat sebagai yang dijelaskan oleh al-Wahidi turun kerana ‘Abd al-Rahman bin ‘Awf dan ‘Uthman bin ‘Affan melengkapkan keperluan tentera yang tiada kelengkapan dalam persediaan Perang



Tabuk. Apabila Nabi saw menggesa sahabatnya untuk memberi sumbangan jihad fi sabilillah pada ketika tentera Muslimin tidak punya sebarang kelengkapan akibat kesusahan hidup mereka, ‘Abd al-Rahman bin ‘Awf telah menyumbang 4000 dinar sementara ‘Uthman bin ‘Affan telah memberi kelengkapan 1000 ekor unta beserta pelana dan pelapiknya. Dikatakan beliau memberi 1000 dinar yang diletakkan di bilik Nabi saw (Ibn ‘Ashur, Muhammad al-Tahir, t.th).

Justeru, boikot adalah salah satu kaedah berjihad dengan harta dengan makna tidak menggunakan harta untuk membeli barangan keluaran pihak musuh atau yang menyokongnya. Sebaliknya beralih kepada pembelian barangan keluaran Muslim atau yang menyokongnya. Di situlah letaknya pengertian berjihad dengan kadar kemampuan yang boleh dilakukan dengan harta apabila tidak dapat menyediakan diri untuk berjihad.

### **KEWAJIPAN BOIKOT SECARA FARDU AIN**

Secara umumnya sebagaimana yang telah dibahaskan, hukum boikot adalah bersifat fardu kifayah bagi penduduk Muslim yang tidak diceroboh negaranya sepertimana halnya bagi hukum berjihad mengangkat senjata. Lantaran tersebut, secara zahir hukum boikot adalah menjadi fardu ain ke atas penduduk yang diceroboh oleh pihak musuh seperti Palestin. Bagi penduduk di luar wilayah tersebut, hukumnya adalah fardu kifayah. Kewajipan fardu ain ialah apabila semboyan perang diisytiharkan bagi penduduk sesebuah negara. Justeru, bagaimanakah hukum tersebut boleh difatwakan sebagai wajib ‘ayniyy bagi isu boikot? Berikut ialah penjelasannya:

#### **Arahan daripada Pemerintah**

Apa jua arahan daripada pemerintah adalah wajib ditaati selagi mana ia tidak bertentangan dengan Islam. Mentaati perintah Allah swt pada perkara yang wajib dalam Islam seperti pemerintah mengarahkan rakyatnya mendirikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan amar makruf nahi munkar, pemakaian hijab bagi wanita, meninggalkan riba, perkara keji dan munkar, maka ketaatan pada ketika ini adalah wajib secara ijmak kerana perkara-perkara ini wajib secara zatnya dan pemerintah adalah peneraju dan pendukung perintah-perintah ini (Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim, 1962).

Begitu juga sekiranya arahan-arahan tersebut adalah sunat seperti membina masjid, sekolah atau melarang daripada pembaziran dalam majlis perkahwinan dan keraian atau yang bercampur gaul antara lelaki dan wanita, maka mentaatinya juga adalah wajib kerana termasuk dalam perkara-perkara kebaikan yang diperintah syarak (Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim, 1962).

Bagi arahan-arahan yang bersifat harus tetapi tidak menyalahi syariat seperti peraturan-peraturan pentadbiran, ulama berbeza pendapat. Sebahagiannya menyatakan wajib taat kerana tidak boleh seorang pun yang menghalal atau mengharamkan sesuatu yang diharamkan atau dihalalkan oleh Allah swt. Sebahagian ulama menyatakan sebaliknya bahkan para pentahqiq mazhab Shafie menyatakan wajib taat selama mana ia tidak memerintahkan sesuatu yang haram. Sebahagian ulama berpendapat, sekiranya tiada masalah umum maka tidak wajib mentaatinya kecuali secara lahiriah semata-mata berbanding dengan urusan yang ada masalah umum, maka kewajipan tersebut adalah dari segi zahir dan batin (perlaksanaan dan keakuran). Begitulah juga hukumnya dalam urusan yang ada mudarat bagi seseorang yang menerima arahan tersebut (al-Alusiyy, Mahmud bin Shukriyy, t.th).

Nabi SAW bersabda daripada ‘Aliyy:

لا طاعة في معصية الله إنما الطاعة في المعروف

Maksudnya, “Tiada ketaatan dalam perkara maksiat kepada Allah, sesungguhnya ketaatan hanyalah kepada perkara yang baik sahaja”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Imarah. 1840)

Hadis ini menunjukkan perintah wajib mentaati pemerintah selagi ia perkara baik. Ketaatan kepada pemerintah yang adil adalah wajib meskipun tidak diketahui samada ianya maksiat atau tidak sedangkan ketaatan kepada pemerintah yang zalim adalah sekiranya seseorang itu mengetahui ianya adalah perintah ketaatan kepada Allah swt seperti jihad (Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim, 1983).

Pemerintah pula bertanggungjawab untuk mentadbir urus negara dan rakyat berdasarkan kepada masalah umum mereka sesuai dengan kaedah fiqh:

تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya, “Pengurusan pemerintah terhadap rakyat adalah berdasarkan kepada masalah”.

(Al-Suyutiyy, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman, 1983)

### **Boikot Tanpa Arahan Pemerintah**

Boikot ini berlaku samada secara individu atau berorganisasi. Bagi boikot secara berorganisasi samada organisasi tersebut bersifat antarabangsa seperti Liga Arab, OIC, Majlis Fatwa, NGO dan lain-lain, maka seruan tersebut adalah dituntut untuk diikuti. Ini kerana meskipun ia bukan perseorangan, dalam konteks ketaatan ia adalah bersifat jamaah.

Hukum boikot bagi setiap individu telah dijelaskan oleh sebahagian besar ulama. Antaranya seperti Al-Syahid Dr. ‘Abdullah ‘Azzam yang menfatwakan bahawa jihad dengan diri adalah fardu ain. Begitu juga halnya dengan jihad dengan harta dan haram menyimpan harta sekiranya diperlukan untuk jihad. Beliau menukikkan daripada Ibn Taiyimiyyah yang berfatwa: “*sekiranya harta diperlukan untuk membekalkan makanan kepada orang yang kebuluran dan juga jihad, hendaklah diutamakan jihad walaupun akan menyebabkan orang kebuluran mati*”.

Beliau menjelaskan bahawa imam Shafie menyatakan: “*fardu kifayah dituntut secara umum dimaksudkan secara khusus. Jumahur ulama usul mengatakan bahawa fardu kifayah itu dituntut ke atas semua dan gugur kefarduan dengan sebahagian mereka melaksanakannya. Hukum jihad di Afghanistan ketika tentera komunis Rusia menceroboh adalah fardu kifayah ke atas umat Islam di seluruh dunia. Namun kewajipan jihad tersebut masih di bahu umat Islam seluruhnya sehingga tentera komunis Rusia dihalau keluar dari Afghanistan. Dosa tidak berjihad masih ditanggung oleh umat Islam sehingga matlamat tersebut dicapai kerana kefarduan jihad ketika serangan musuh ialah mengeluarkan musuh daripada bumi Islam*” (‘Abdullah ‘Azzam, 1990).

Hukum boikot tentang isu Palestin menjadi hukum yang sangat serius berdasarkan kepada perubahan hukum atas faktor lokaliti dan individu. Dari segi tempat, ia memberi kesan kepada sesuatu hukum. Boikot tentang isu Palestin yang menjadi bumi Masjidil Aqsa adalah lebih utama berbanding tempat-tempat lain selain daripada Mekah dan

Madinah. Dalam konteks Palestin, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawiyy, ia adalah bumi suci umat Islam selain dari Mekah dan Madinah. Al-Aqsa merupakan salah satu daripada 3 tempat suci orang Islam selain daripada Masjidil Haram dan Masjid Nabawi. Ini berdasarkan satu hadis Nabi SAW:

الصلاة في المسجد الحرام بمائة ألف صلاة ، والصلاة بمسجدي بألف صلاة ، والصلاة في بيت المقدس بخمس مائة صلاة

Maksudnya : *Satu solat di Masjid al-Haram lebih utama daripada seribu kali solat di tempat lain, dan solat di masjidku (Masjid al-Nabawi) lebih utama daripada seribu solat di tempat lain dan solat di Bait al-Maqdis lebih utama daripada lima ratus solat di tempat lain*”.

(Hadis Al-Haythamiyy. Bab Qawluhu La Tushadd al-Rihal ila Thalathati Masajid)

Juga dalam hadis lain:

لا تشد الرحال إلا إلى ثلاثة مساجد : المسجد الحرام ، ومسجدي هذا ، والمسجد الأقصى

Maksudnya, *Tidak dituntut untuk melakukan perjalanan melainkan ke tiga buah masjid iaitu Masjid al-Haram, masjidku ini (Masjid al-Nabawi) dan Masjid al-Aqsa*”.

(Hadis. Ibn Hibban. Bab al-Masajid. 1619)

Ia juga merupakan kiblat pertama umat Islam sebelum perintah Allah SWT turun mengarahkan Nabi Muhammad SAW menghadap ke Kaabah sebagaimana ayat:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةَ تَرْضَاهَا  
فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا  
وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ  
الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ

Maksudnya, “Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar daripada Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan”.

Surah Baqarah (2) : 144

Ia juga merupakan tempat permulaan mikraj Nabi saw sebagaimana firman Allah SWT:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ ۗ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ  
إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ ۗ لِنُرِيَهُ ۗ مِن آيَاتِنَا  
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١٧﴾

Maksudnya, “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

Surah al-Isra’ (17): 1

Justeru, pembebasan bumi Palestin yang berada di dalamnya Masjid al-Aqsa adalah amat dituntut dengan segala keupayaan dan kemungkinan yang ada. Boleh difahami di sini bahawa sebagaimana umat Islam wajib mempertahankan kota Mekah, begitulah juga halnya dengan Baitul Maqdis jika diserang.

Dalam muktamar Majma<sup>c</sup> al-Buhuth al-Islamiyyah pada bulan Rejab 1408 (1988), Syeikh Jad al-Haqq <sup>c</sup>Aliyy Jaddal-Haqq menegaskan bahawa memelihara dan mempertahankan Masjid al-Aqsa merupakan

satu kewajipan agama sampati hari akhirat. Prof. Dr. Muhammad Sayyid Tantawiy (Shaykh al-Azhar) juga menyatakan perkara yang sama bahkan menegaskan kewajipan membebaskan Baitul Maqdis juga dipikul oleh orang Kristian: “*membebaskan al-Quds merupakan satu kewajipan ke atas setiap umat Islam dan Nasrani kerana di sana terdapat Masjid al-Aqsa dan Gereja al-Qiyamah*” (Al-Bakri, Zulkifli Mohamad & Fatimah Syarha Mohd Noordin, 2009).

Jika diperhatikan kembali teks dalam Tafsir al-Manar:

*“sesiapa yang mampu berjihad dengan harta dan dirinya hendaklah berjihad dengan kedua-duanya dan sesiapa yang mampu berjihad dengan salah satu dari keduanya hendaklah berjihad dengan yang dia mampu”.*

(<sup>c</sup>Abd al-Rashid Reda, t.th)

Maka tindakan boikot merupakan satu langkah yang mampu dilakukan oleh umat Islam sekadar maksima yang boleh dengan sebab ketidakmampuan umat Islam untuk berjihad dengan harta dan nyawa di Palestin. Kewajipan secara individu di bumi Islam yang lain pula boleh diterjemahkan dengan kemakmuran hasil mahsulnya. Secara umumnya, umat Islam di kebanyakan negara Timur Tengah termasuk rakyat Malaysia adalah golongan yang berkemampuan untuk memberi sumbangan dan bantuan kepada umat Islam di Palestin. Justeru, sudah sewajarnya menjadi satu kewajipan ke atas mereka untuk membantu rakyat Palestin samada melalui sumbangan harta benda atau dengan jalan memboikot barangan-barangan tertentu yang telah disenaraikan oleh badan-badan yang memperjuangkan isu ini pada ketika barangan tersebut bukanlah barangan *daruri* (barangan yang melibatkan keperluan asas manusia).

## KESIMPULAN

Dari perbincangan-perbincangan di atas, beberapa rumusan dapat diambil. Boikot merupakan sebahagian daripada jihad fi sabilillah iaitu dengan medium harta. Kewajipan boikot pada asasnya adalah berdasarkan kepada hukum berjihad. Ia merupakan salah satu bentuk

baru dalam berjihad. Kewajipan tersebut juga dinilai berdasarkan kepada faktor tempat dan keadaan. Kewajipan jihad yang asalnya fardu kifayah boleh menjadi fardu ain berdasarkan kepada faktor tersebut. Hukum boikot berdasarkan kepada pembelaan bumi Palestin dan Baitul Muqaddis adalah fardu ain. Pembelaan bumi suci umat Islam samada Mekah, Madinah atau Palestin merupakan satu kewajipan ke atas umat Islam yang tertakluk kepada faktor tempat.

Lantaran itulah, umat Islam di seluruh dunia perlu menyedari bahawa mereka juga bertanggungjawab terhadap perjuangan umat Islam di Palestin kerana perjuangan tersebut pada hakikatnya adalah perjuangan umat Islam secara keseluruhannya.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abdullah ‘Azzam, 1990, *al-Difa‘ ‘An Arad al-Muslimin Aham Furud al-A‘yan*, San‘a’: Maktabat al-Jayl al-Jadid.
- ‘Abd al-Rashid Reda. t.th., *Tafsir al-Manar*. t.tp: t.pt.
- Abadiyy, Muhammad Shams al-Haq al-‘Azim, 1995, *‘Awn al-Ma‘bud Sharh Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash‘ath, t.th. *Sunan Abi Dawud*. t.tp: Dar al-Fikr.
- Adam B. Cordover. 2007. *Impact of U.S. Policy on the Arab League Boycott of Israel*. (Research Paper). May 12, 2007.
- al-Alusiyy, Mahmud bin Shukri, t.th. *Ruh al-Ma‘aniyy fi al-Tafsir al-Qur’an al-‘Azim wa al-Sab‘ al-Mathaniyy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Baghawiyy, al-Husayn bin Mas‘ud. 1987. *Ma‘alim al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- al-Bakri, Zulkifli Mohamad & Fatimah Syarha Mohd Noordin. 2009. *Palestin Tak Pernah Gentar*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Al-Ghazaliyy, Muhammad bin Muhammad. 1997. *al-Mustasfa min ‘Im al-Usul*. j. 1. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- al-Haythamiyy, ‘Aliyy bin Abi Bakr. 1986. *Majma‘ al-Zawa‘id*. Kaherah: Dar al-Rayyan Li al-Turath.
- al-Malibariyy, Zayn al-Din bin ‘Abd al-‘Aziz. 2005. *Fath al-Mu‘in*. Kelang: Klang Book Centre.
- al-Nawawiyy, Yahya bin Sharaf. 1972. *Sharh al-Nawawiyy ‘Ala Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- al-Qalyubiyy wa ‘Umayrah, Shihab al-Din & ‘Umayrah. t.th. *Qalyubiyy wa ‘Umayrah*. Mesir: Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Qaradawiyy. 2011. <http://qaradawi.net> (28 Oktober, 2011).
- al-Qurtubiyy, Muhammad bin Ahmad. 1988. *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Raziyy, Muhammad bin ‘Umar. 2004. *al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.



- al-Sharbiniyy, Muhammad al-Khatib. 1995. *al-Iqna' fi Hall Lafzi Abi Shuja'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Suyutiyy, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 1983. *al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayliyy, Mustafa Wahbah. 2010. *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'iy*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Aris Hazlan & Riduan Mohamad Nor. 2009. *Gaza Menangis Menelusuri Sejarah perjuangan Palestin dan Pembantaian Gaza*, Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Constance A. Hamilton. 1994. *Effects of the Arab League Boycott of Israel on U.S. Businesses*. Washington DC: U.S. International Trade Commission.
- Fred John Khouri. 1985. *The Arab-Israeli Dilemma*. New York: Syracuse University Press.
- Gil Feiler. 1998. *From Boycott To Economic Corporation; The Political Economy of Arab*. Oxon: Frank Cass Publishers.
- Grolier Academic Encyclopedia. 1987. t.tp: Grolier International.
- Harver World Encyclopedia. 1978. Lousiana: Elseview Publishing Project.
- Hasan Khalid. 1971. *al-Shahid fi al-Islam*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- <http://www.bharian.com.my/articlesTahananwanitaPalestinlancar mogoklapar/Article/>, 2 Mac, 2012.
- <http://www.guardian.co.uk/world/2009/apr/03/israel-gaza-attacks-boycotts-food-industry>, 13 Januari, 2012
- Ibn Hajar al-'Asqalaniyy, Ahmad bin 'Aliyy. 1960. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban. 1993. *Sahih ibn Hibban*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. t.th. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar Sahnun.

- Ibn Kathir, Isma'īl bin 'Umar. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-ʿAzim*. Beirut: Dar Tayyibah.
- Ibn Khuzaymah, Muhammad bin Ishaq. 1970. *Sahih Ibn Khuzaymah*. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- Ibn Rajab al-Hanbaliyy, 'Abd al-Rahman bin Ahmad. 2001. *Jami' al-ʿUlum wa al-Hikam*. t.tp: Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim. 1962. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah*. Kaherah: Maktabah Dar al-Madaniyy.
- Ibn Taymiyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim. 1983. *Majmu' al-Fatawa*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Ibrahim Mustafa et.al. t.th. *Mu'jam al-Wasit*. t.tp: Majma' al-Lughah.
- Isma'īl Ibrahim. t.th. *al-Jihad*. Beirut, Dar al-Fikr al-ʿArabiyy.
- Jack G. Kaikati. 1978. The Arab Boycott Middle East Business Dilemma. *Calofornia Management Review*. SPRING, Vol XX No 3.
- Kamus Dewan*. 2000. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Martin A. Weiss. 2006. Arab League Boycott of Israel, CRS Report for Congress.
- Mitchell Bard. 2007. *The Arab Boycott*. [http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsourc/History/Arab\\_boycott.html](http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsourc/History/Arab_boycott.html) 12 Januari, 2010.
- Mohsen M. Salleh. t.th. *The Palestinian Issue Its Background and Development up to 2000*. Hassan A. Ibrahim. (terj.). Kaherah: Al-Falah Foundation.
- Mughowari Shalabi. <http://www.islamonline.net> (28 Oktober, 2010).
- Muslim Bin Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Dar Ihya' al-Turath al-ʿArabiyy.
- Phyllis Bennis & Neal Cassidy. 1990. *From Stones to Statehood: The Palestinian Uprising*. New York: Oliver Branch Press.
- The Arab Boycott and American Export Law. Buku Panduan Syarikat di Timur Tengah. New York: The American Jewish Comitte.
- The Encyclopedia Americana. 1990. t.tp: Grolier Inc.
- The World Book Encyclopedia. 1987. Chicago: World Book Inc.